


## Deria pendedahan pada bahaya – komponen keselamatan yang sangat penting Jun 2023



Seseorang pekerja yang berjalan melalui kawasan proses pengendalian asid sulfurik melihat operator sedang bersiap untuk memisahkan sambungan hos nitrogen. Operator itu tidak memakai Kelengkapan Pelindung Diri (KPD) lengkap yang diperlukan untuk kawasan itu, termasuk pelindung muka. Orang itu berhenti, menjelaskan situasi dan operator dengan rela hati mematumhinya. Orang pertama baru sahaja bergerak beberapa langkah dan dia terdengar bunyi 'pop' dan 'desingan' dari kawasan tersebut. Operator itu telah dibasahi asid dan dibantu ke pancuran mandian keselamatan terdekat.

Asid sulfurik telah terkumpul di dalam hos nitrogen tanpa pengetahuan operator. Apabila ia dipisahkan, lebih tekanan bersama-sama dengan campuran asid sulfuric menyembur ke arah muka dan badan operator. Operator hanya menerima sedikit luka bakar kimia di lehernya kerana KPD yang diperlukan telah dipakai.

Semasa penyiasatan, didapati pelindung muka operator terhakis teruk dan mempunyai kesan noda di bahagian tengah di mana asid telah menyemburnya. Tanpa pemakaian pelindung muka, operator itu akan melecur teruk dan mungkin kehilangan penglihatannya secara kekal.

Mengapakah orang pertama berhenti dan mengingatkan operator tentang KPD yang lengkap? Deria pendedahan pada bahaya. Pemerhati melihat potensi hos mengandungi asid di dalamnya, walaupun ia SEPATUTNYA mengandungi nitrogen sahaja.

### Tahukah Anda?

- Apakah yang dimaksudkan “deria pendedahan pada bahaya”? Ini bermakna semua orang di dalam loji anda:
  - Memahami bahaya yang berkaitan dengan bahan dan keadaan proses (tekanan, suhu, dll.) di kawasan tersebut.
  - Sentiasa berwaspada terhadap simptom kelemahan yang mungkin menunjukkan kejadian yang lebih serius di hadapan, seperti kebocoran kecil yang boleh menjadi kegagalan talian utama.
  - Sentiasa berwaspada walaupun loji itu mempunyai prestasi keselamatan yang baik.
- Dalam kehidupan harian kita, deria pendedahan pada bahaya yang menyebabkan kita memperlakukan kelajuan pemanduan dalam cuaca buruk atau menjadi lebih berhati-hati apabila bekerja di atas tangga.
- Kita boleh kehilangan deria pendedahan pada bahaya apabila kita tergesa-gesa. Itu boleh menyebabkan kita melangkau langkah atau terlupa memakai KPD yang betul.
- Pekerja baru mungkin membawa deria pendedahan pada bahaya mereka daripada pekerjaan atau syarikat terdahulu. Ini bermakna kita mungkin perlu membantu mereka memahami bahaya dalam pekerjaan baharu mereka.
- Mengekalkan deria pendedahan pada bahaya ialah ciri penting dalam budaya keselamatan proses yang baik.

### Apa yang Boleh Anda Lakukan?

- Jika anda melihat tingkah laku berisiko, hentikan dan tanya orang itu jika mereka mengikuti prosedur yang betul. Anda boleh mengelakkan seseorang daripada terluka teruk – atau lebih buruk.
- Jika seseorang menahan anda untuk bertanya cara anda melaksanakan tugas, jangan bersikap defensif. Mereka cuba untuk memastikan anda selamat. Jawab soalan mereka dengan tenang, lapangkan fikiran kepada cadangan mereka tentang cara melaksanakan tugas dan berterima kasih atas keprihatinan mereka mengenai keselamatan anda.
- Jika kawasan anda mempunyai pekerja baru, latih mereka tentang bahaya dan prosedur unit. Tolong pastikan mereka selamat!
- Jangan sesekali berfikir, “Ia tidak akan berlaku di sini.” Ia boleh!

**Deria pendedahan pada bahaya – “deria labah-labah” keselamatan proses anda**